Kenyataan media
Untuk edaran segera

INISIATIF PENJANA MEMACU PERTUMBUHAN KANDUNGAN KREATIF BERTARAF ANTARABANGSA

- **Dana Kandungan Digital PENJANA sebanyak RM35 juta akan menjadi pemacu industri kandungan digital kreatif Malaysia untuk menghasilkan karya bertaraf antarabangsa**
- **DKD PENJANA ini dijangka akan memperluaskan dua program kandungan digital sedia ada di bawah MDEC**

Kuala Lumpur, 10 Ogos 2020: Peruntukkan RM35 juta yang disalurkan kerajaan kepada industri kandungan kreatif digital tempatan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dijangka akan memacu pertumbuhan berterusan sektor berkenaan. **Dana Kandungan Digital PENJANA (DKD PENJANA)** ini akan memperluaskan dua program kandungan digital sedia ada yang dikendalikan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

DKD PENJANA akan digunakan untuk memperkasakan dua program iaitu:

1) **Cabaran Pencipta Kandungan Digital PENJANA atau PENJANA *Digital Content Creators Challenge* (PENJANA DC3+):**

   Inisiatif ini telah diwujudkan oleh MDEC untuk membolehkan bakat tempatan mengasah kreativiti dan kemampuan mereka dalam mengembangkan idea kandungan baharu dan seterusnya mempercepatkan pembangunan serta penkomersialan karya. Matlamat akhir program ini ialah untuk meningkatkan penyertaan dan keupayaan bakat tempatan dalam menghasilkan kandungan digital bertaraf dunia.

   Sebagai program yang ditambah baik, PENJANA DC3+ akan menggantikan program berstruktur DC3 dengan konsep mendorong penggunaan kandungan bertemakan Malaysia. Ini merangkumi adaptasi kisah-kisah tempatan, cerita rakyat atau berlatar belakangkan suasana Malaysia. Program PENJANA DC3+ menitik beratkan karya yang bersifat komersial, mengandungi mesej sosial atau gabungan kedua-dua elemen tersebut dalam bentuk filem animasi pendek, filem pendek dengan kesan visual dan komik.

2) **Geran Kandungan Digital PENJANA atau PENJANA *Digital Content Grant* (PENJANA DCG):**

Inisiatif ini diwujudkan untuk membantu pemain industri kreatif tempatan menyesuaikan diri dengan normal baharu akibat pandemik global yang belum berakhir. Studio tempatan boleh memanfaatkan program ini untuk aktiviti pemasaran, pengedaran digital dan penciptaan harta intelek (*intellectual property* atau IP) baharu yang menarik. Ia bertujuan untuk membolehkan syarikat supaya terus menghasilkan kandungan kreatif berkualiti dalam bidang animasi dan kandungan digital yang berkaitan.

PENJANA DCG merupakan lanjutan daripada *Digital Content Grant* MDEC, iaitu inisiatif yang mempromosikan pengembangan kandungan kreatif digital tempatan. Ia merupakan usaha untuk memajukan industri kandungan kreatif digital. Dana permulaan yang diperkenalkan Kerajaan sebelum ini telah berjaya menghasilkan beberapa karya animasi yang menembusi dan diiktiraf di pasaran antarabangsa seperti *Upin & Ipin The Movie*, *Boboiboy The Movie*, *Ejen Ali the Movie*, *Hogie the Globehopper*, *Origanimals*, *No Straight Roads*, dan *Re: Legend*.

Kedua-dua inisiatif asal ini merupakan hasil daripada peningkatan penglibatan sektor awam dan syarikat swasta dalam memperkasakan industri kandungan kreatif digital dan mencipta pelbagai peluang yang lebih luas untuk industri kreatif Malaysia.

" DKD PENJANA amat penting kerana ia akan mengukuhkan industri kandungan kreatif digital Malaysia yang telah mencatatkan kemajuan ampuh kebelakangan ini. Tahun lalu, bidang ini telah melihat beberapa kejayaan besar karya animasi termasuk *Upin dan Ipin: Keris Siamang Tunggal*, *BoiBoiBoy The Movie 2* dan *Ejen Ali: The Movie*—semua ini memberi petanda jelas bahawa Malaysia berada pada landasan tepat dalam usaha memajukan sektor ini. Program PENJANA DC3+ dan DCG akan memainkan peranan besar bagi memastikan Malaysia berada pada kedudukan terbaik sekaligus kekal sebagai peneraju industri kandungan digital di rantau ASEAN," kata Menteri KKMM, YB Dato 'Saifuddin Abdullah.

Melalui PENJANA DC3 + dan DCG yang dikemas kini, MDEC akan menyokong 50 projek kandungan digital. Pada masa sama, sasaran juga ditetapkan untuk melahirkan empat projek animasi baharu yang memiliki daya tarikan antarabangsa.

"Pengukuhan keupayaan kita melibatkan diri dalam ekosistem yang didiami studio, pembangun harta intelek, festival dan pasaran yang berkaitan

merupakan cabaran utama dalam memajukan ekonomi digital dan bidang kreatif negara. Industri ini dikuasai belia Malaysia yang telah membuktikan kebolehan mereka menghasilkan kandungan unik yang memenuhi citarasa penonton tempatan dan juga antarabangsa," kata Menteri Kewangan, YB Senator Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Tambah Tengku Zafrul, "Sektor ini juga sangat penting untuk manfaat jangka panjang kepada negara. Selain dari menyumbang kepada ekonomi negara, sektor ini mampu mengeksport idea dan budaya Malaysia ke persada dunia. Program DKD PENJANA menandakan komitmen Kerajaan untuk meneruskan sokongan kepada bakat dan kepakaran tempatan; lebih lagi dalam menghasilkan dan mengekport kandungan digital yang menyerlahkan keunikan Malaysia."

Menerusi jalinan kerjasama yang lebih aktif antara pemain industri dengan sektor awam, inisiatif-inisiatif terbaru ini diharapkan dapat meningkatkan daya saing pengkarya dan perusahaan kandungan negara di peringkat global.

"MDEC secara konsisten memperjuangkan ekosistem kandungan kreatif digital kerana ia mewakili salah satu segmen utama ekonomi digital. Karya yang dihasilkan oleh syarikat yang mendapat sokongan MDEC telah meraih pelbagai kejayaan termasuk menguasai senarai kutipan filem pecah panggung ketika tayangan pada tahun lalu. Namun demikian, mereka turut terkesan akibat pandemik COVID-19 dan kelembapan ekonomi semasa," kata Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri.

Sehubungan itu ujar beliau, DKD PENJANA yang disalurkan melalui program PENJANA DC3+ dan DCG tiba tepat pada masanya kerana dapat membantu meningkatkan peluang perniagaan dan memperluas akses pasaran dalam jangka masa pendek dan membantu industri kreatif digital Malaysia sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Permohonan kini dibuka untuk PENJANA DC3 + dengan tarikh tutup ditetapkan pada 31 Ogos 2020. Bagi PENJANA DCG, ia akan dibuka pada 1 Ogos 2020.

Maklumat lanjut mengenai kedua-dua program ini terdapat di:

- https://mdec.my/digital-economy-initiatives/for-the-industry/entrepreneurs/digital-creative-content/digital-content-creators-challenge/
- https://mdec.my/digital-economy-initiatives/for-the-industry/entrepreneurs/digital-creative-content/digital-content-creators-challenge/

###

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan teknologi digital di kalangan rakyat, membangunkan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk menjamin masa depan Malaysia dalam era digital, MDEC akan terus bersandar pada rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman dalam menghubungkan, memangkinkan dan menkomersialkan inisiatif- inisiatif demi kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai teras dasarnya.

MDEC terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: https://www.facebook.com/MyMDEC/
Twitter: @mymdec

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward #DigitalvsCovid